

BAB EMPAT

DAPATAN
KAJIAN

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian. Dapatan kajian ini dibincangkan dalam lima bahagian utama iaitu mengikut objektif kajian yang dikemukakan. Lima bahagian utama tersebut meliputi :

- (i) tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu
- (ii) tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu iaitu tahap kemahiran menulis atau membaca tulisan Jawi
- (iii) persepsi masyarakat Melayu terhadap tulisan Jawi
- (iv) faktor-faktor peminggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu
- (v) usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat Melayu untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi.

4.1 DAPATAN KAJIAN TENTANG TAHAP PENGGUNAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Secara umumnya, penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu pada masa sekarang ini amat kurang dan tidak setanding dengan penggunaan tulisan Rumi. Tulisan Jawi hanya digunakan dalam perkara-perkara yang tertentu sahaja terutamanya dalam perkara yang berkaitan dengan soal-soal agama sahaja. Keadaan seperti ini amat mendukacitakan kerana tulisan Jawi merupakan khazanah bangsa Melayu yang perlu dipertahankan.

Dalam menilai tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu di sekitar kampung Kerinchi yang merupakan lokasi kajian, pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan tulisan Jawi tersebut. Pengkaji telah menilai tahap penggunaan tulisan Jawi mengikut aktiviti yang telah dikemukakan dalam soal selidik. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti jadual 1 di bawah :

AKTIVITI - AKTIVITI
1. Kelas-kelas yang ditubuhkan untuk mempelajari tulisan Jawi di tempat kediaman
2. Membuat nota matapelajaran agama Islam menggunakan tulisan Jawi
3. Menulis nama pada sesetengah buku latihan dengan menggunakan tulisan Jawi.
4. Penggunaan akhbar dalam edisi Jawi
5. Pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi di tempat kediaman.
6. Pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi di sekolah.
7. Menghias rumah dengan hiasan khat Jawi.
8. Menghias bilik belajar dengan hiasan khat Jawi.
9. Menghias bilik darjah dengan hiasan khat Jawi.
10. Penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekolah.
11. Penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekitar tempat kediaman.
12. Membaca kitab-kitab atau buku-buku Jawi

Jadual 1 : Penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu

Daripada analisis data yang telah dibuat, pengkaji mendapati bahawa tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu amat kurang. Apabila penggunaannya berkurangan, maka penguasaannya di kalangan masyarakat juga semakin berkurangan. Penggunaan tulisan Jawi di kalangan pelajar-pelajar masih boleh dibanggakan. Tetapi mereka juga berminat menggunakan tulisan Jawi kerana terpaksa. Contohnya ialah seperti guru-guru memberikan penekanan dan memaksa para pelajar supaya menulis tulisan Jawi di dalam kelas. Begitu juga kerana pihak kementerian telah menetapkan mata pelajaran Jawi walaupun hanya diselitkan dalam mata pelajaran agama Islam sahaja. Tanpa paksaan sedemikian, mereka juga

mungkin akan meninggalkan khazanah bangsa ini. Ini jelas menunjukkan bahawa tulisan Jawi hanya digunakan di sekolah semata-mata semasa mempelajari mata pelajaran agama Islam.

Kebanyakan daripada para pelajar juga tidak lagi berminat untuk menggunakan tulisan Jawi dalam urusan yang lain dan hanya sekadar mempelajarinya di sekolah sahaja. Malah mereka juga jarang-jarang sekali mengulang kaji mata pelajaran Jawi di rumah. Daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa hanya 4 orang atau 6.7 peratus daripada golongan kanak-kanak dan golongan remaja yang merupakan pelajar-pelajar sekolah yang selalu mengulang kaji mata pelajaran Jawi ini.

Mereka juga kurang berminat untuk belajar tulisan Jawi di luar waktu persekolahan sama ada dengan menghadiri kelas khas atau kelas tambahan. Hanya 24 orang atau 40 peratus daripada kalangan pelajar sahaja yang menghadiri kelas khas atau kelas tambahan tersebut. Kebanyakan daripada mereka hanya menghadiri kelas-kelas tambahan bagi mata pelajaran yang akan diduduki dalam peperiksaan sahaja. Situasi seperti ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan tahap kesedaran ibubapa yang hanya mementingkan mata pelajaran yang lain untuk lulus peperiksaan. Oleh kerana mata pelajaran Jawi tidak ada peperiksaan, maka ia tidak dihiraukan dan tidak diberikan perhatian. Dengan itu, penggunaannya semakin berkurangan.

Manakala penggunaan tulisan Jawi di kalangan golongan dewasa dan juga golongan tua lebih mendukacitakan. Mereka tidak lagi didedahkan dengan penggunaan tulisan Jawi. Mereka hanya mempelajari tulisan Jawi ketika zaman persekolahan mereka dahulu. Sekarang ini, tidak terdapat kelas-kelas yang

ditubuhkan untuk golongan seperti mereka. Seramai 80 orang atau 68.4 peratus daripada responden yang menyatakan bahawa di kawasan kediaman mereka terdapat kelas-kelas yang ditubuhkan untuk belajar tulisan Jawi misalnya di surau-surau atau madrasah-madrasah. Meskipun terdapat kelas-kelas yang ditubuhkan untuk mempelajari tulisan Jawi tetapi ia hanyalah untuk golongan kanak-kanak amnya dan para pelajar khasnya.

Sesetengah daripada mereka berasa amat kecewa kerana ingin mempelajari tulisan Jawi tetapi mereka tidak berpeluang. Ketiadaan kelas-kelas yang dapat meningkatkan tahap penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi ini telah menyebabkan mereka semakin melupakan tulisan Jawi. Namun begitu, daripada pemerhatian dan soal selidik yang dikemukakan oleh pengkaji, walaupun terdapat kelas-kelas untuk belajar tulisan Jawi bagi golongan dewasa dan tua tetapi mereka tidak dapat menghadirinya kerana mereka sibuk dengan urusan-urusan lain. Perkara yang lebih menyedihkan lagi ialah terdapat juga antara penduduk-penduduk di situ yang tidak tahu bahawa wujudnya kelas-kelas untuk belajar tulisan Jawi untuk golongan dewasa dan tua. Dengan itu, penggunaan tulisan Jawi semakin merosot dari hari ke hari.

Selain itu, penggunaan akhbar dalam edisi Jawi juga semakin berkurangan. Mereka jarang-jarang sekali membeli dan seterusnya membaca akhbar dalam edisi Jawi. Peratusan pembacaan akhbar dalam edisi Jawi boleh dilihat melalui Jadual 2 di bawah:

Membaca akhbar	Jumlah Responden	Peratus
Selalu	11	9.4
Kadang-kadang	71	60.7
Tidak pernah	35	30
JUMLAH	117	100

Jadual 2 : Pembacaan akhbar dalam edisi Jawi di kalangan masyarakat Melayu

Pembacaan akhbar dalam edisi Jawi di kalangan ibu bapa mungkin akan dapat mempengaruhi pembacaannya di kalangan anak-anak mereka. Tetapi, perkara yang menjadi masalah utama ialah golongan ibu bapa juga jarang sekali membaca akhbar atau majalah dalam edisi Jawi. Peratusan pembacaan akhbar dalam edisi Jawi di kalangan ibu bapa adalah seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Membaca akhbar edisi Jawi di kalangan ibu bapa	Jumlah Responden	Peratus
Selalu	5	5.8
Kadang-kadang	56	65.1
Tidak pernah	25	29.1
JUMLAH	86	100

Jadual 3 : Pembacaan akhbar dalam edisi Jawi di kalangan ibu bapa

Masalah ini bertambah rumit apabila pada masa sekarang ini, akhbar atau majalah dalam edisi Jawi amat sukar untuk diperolehi. Daripada tinjauan dan pemerhatian pengkaji di sekitar kawasan tersebut mendapati bahawa tidak ada akhbar dalam edisi Jawi yang dijual. Ini menunjukkan bahawa penggunaan tulisan Jawi dalam media cetak juga kurang diberikan penekanan. Alasannya tulisan Jawi tidak mampu menarik golongan pembaca yang ramai seterusnya tidak mahu menanggung kerugian yang banyak.

Pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi sama ada di tempat kediaman atau di sekolah juga jarang-jarang sekali diadakan. Keadaan yang timbul ini juga membuktikan bahawa tahap penggunaan tulisan Jawi semakin berkurangan di kalangan masyarakat Melayu pada hari ini. Jadual 4 di bawah menunjukkan peratusan pertandingan-pertandingan yang diadakan di tempat kediaman.

Pertandingan tulisan Jawi di tempat kediaman	Jumlah Responden	Peratus
Selalu	3	2.6
Kadang-kadang	49	41.9
Tidak ada	65	55.6
JUMLAH	117	100

Jadual 4 : Pertandingan yang melibatkan tulisan Jawi di tempat kediaman

Pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi jarang-jarang sekali diadakan di tempat kediaman tersebut. Daripada jumlah responden hanya 49 orang atau 41.9 peratus yang menyatakan bahawa pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi diadakan di kawasan kediaman tersebut. Manakala 65 orang atau 55.6 peratus menyatakan bahawa pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi ini tidak pernah diadakan di kediaman mereka. Ini menyebabkan penggunaan tulisan Jawi semakin berkurangan di kalangan masyarakat Melayu di sekitar kawasan yang terbabit. Tidak ada pihak atau orang perseorangan yang mempunyai kesedaran dalam jiwa mereka tentang kepentingan tulisan Jawi dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tulisan tersebut terus digunakan. Sepatutnya mereka boleh mengadakan pertandingan-pertandingan seperti peraduan menulis khat, peraduan membaca tulisan Jawi dan sebagainya untuk memastikan bahawa tulisan Jawi akan terus dipertahankan. Tanpa usaha-usaha sedemikian, kemungkinan besar generasi akan

datang tidak akan mengenali langsung tulisan Jawi.

Manakala pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi di sekolah-sekolah masih boleh dibanggakan walaupun tidak sehebat yang diinginkan. Namun, jika dibandingkan dengan pertandingan-pertandingan yang diadakan di tempat-tempat kediaman, pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi di sekolah-sekolah adalah memuaskan. Data yang diperolehi daripada golongan masyarakat yang masih bergelar pelajar, 29 orang responden daripada 60 orang menyatakan bahawa pertandingan-pertandingan yang menggunakan tulisan Jawi jarang-jarang diadakan. Ini menunjukkan terdapat kesedaran di kalangan mereka untuk mempertahankan penggunaan tulisan Jawi walaupun hanya jarang-jarang sekali diadakan.

Tetapi malangnya, usaha-usaha yang dilakukan untuk memupuk kesedaran tersebut hanyalah untuk golongan para pelajar sahaja khususnya para pelajar sekolah rendah. Apabila para pelajar tersebut meningkat dewasa, kemungkinan mereka juga akan melupakan tulisan Jawi kerana tidak ada usaha yang dilakukan untuk memupuk semangat kesedaran itu di kalangan golongan dewasa dan golongan tua. Jadual 5 di bawah menunjukkan peratusan tahap penggunaan tulisan Jawi melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan di sekolah-sekolah.

Pertandingan tulisan Jawi di sekolah	Jumlah Responden	Peratus
Selalu	16	26.7
Kadang-kadang	29	48.3
Tidak ada	15	25
JUMLAH	60	100

Jadual 5 : Pertandingan yang melibatkan tulisan Jawi di sekolah

Tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu juga dikategorikan mengikut penggunaan hiasan khat Jawi sama ada di dalam rumah, di dalam bilik belajar mahupun di dalam kelas. Tahap penggunaan hiasan khat Jawi ini amat memberangsangkan. Kebanyakan daripada masyarakat Melayu menggunakan seni khat Jawi ini untuk menghias rumah mereka dan meletakkannya di bilik belajar anak-anak mereka. Begitu juga di dalam kelas ataupun di dalam bilik-bilik darjah. Kebanyakan para pelajar menghias kelas atau bilik darjah mereka dengan seni khat Jawi. Dengan penggunaan hiasan khat Jawi ini sekurang-kurangnya akan dapat membantu masyarakat Melayu pada hari ini untuk membaca dan menulis Jawi dan bukannya sekadar sebagai bahan hiasan semata-mata. Ini kerana apabila mereka sentiasa melihat seni khat ini, mereka tidak lupa akan tulisan Jawi dan akan mengingatinya sepanjang masa. Jadual 6, 7 dan 8 di bawah menunjukkan tahap penggunaan seni hiasan khat Jawi.

Penggunaan hiasan seni khat Jawi di rumah	Jumlah Responden	Peratus
Ya	98	83.8
Tidak	19	16.2
JUMLAH	117	100

Jadual 6 : Penggunaan hiasan khat Jawi di rumah

Penggunaan hiasan seni khat Jawi di sekolah	Jumlah Responden	Peratus
Ya	42	70
Tidak	18	30
JUMLAH	60	100

Jadual 7 : Penggunaan hiasan seni khat Jawi di sekolah

Penggunaan hiasan seni khat Jawi di dalam bilik belajar	Jumlah Responden	Peratus
Ya	74	63.2
Tidak	43	36.8
JUMLAH	117	100

Jadual 8 : Penggunaan hiasan khat Jawi di dalam bilik belajar

Penilaian tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu ini juga dinilai mengikut penggunaan tulisan tersebut di papan-papan tanda di sekolah dan juga di tempat-tempat kediaman. Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kebanyakannya daripada responden tersebut menyatakan bahawa tulisan Jawi digunakan di papan-papan tanda di sekolah-sekolah mereka. Penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekolah ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi ini masih dititikberatkan walaupun hanya sekadar digunakan di papan-papan tanda. Usaha seperti ini akan dapat mengekalkan penggunaan tulisan Jawi. Jadual 9 di bawah menunjukkan tahap penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekolah-sekolah hasil daripada kajian yang dijalankan.

Penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekolah	Jumlah Responden	Peratus
Ya	28	46.7
Tidak	32	53.3
JUMLAH	60	100

Jadual 9 : Penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekolah

Manakala penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekitar kawasan kediaman amat berkurangan. Tidak dinafikan bahawa terdapat papan-papan tanda yang menggunakan tulisan Jawi tetapi hanya sekadar untuk nama-nama surau dan madrasah sahaja. Daripada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di sekitar

lokasi kajian, papan-papan tanda untuk perkara-perkara lain seperti bagi nama jalan atau nama restoran tidak digunakan. Begitu juga dengan hasil kajian yang diperolehi. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan tulisan Jawi amat mendukacitakan dan ia hanya digunakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama sahaja. Keadaan yang timbul pada masa sekarang ini adalah salah tafsirannya kerana tulisan Jawi sebelum ini adalah merupakan tulisan bagi bahasa Melayu yang digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang dan bukan hanya digunakan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama semata-mata. Jadual 10 di bawah menunjukkan tahap penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekitar kawasan kediaman.


Penggunaan tulisan Jawi di papan-papan tanda di sekitar kawasan kediaman	Jumlah Responden	Peratus
Ya	87	74.4
Tidak	30	25.6
JUMLAH	117	100

Jadual 10 : Penggunaan tulisan Jawi di sekitar kawasan kediaman

Jika perbandingan dibuat mengikut golongan umur dalam masyarakat serta hasil daripada kajian yang dibuat, ternyata bahawa golongan kanak-kanak khususnya para pelajar sekolah rendah yang masih kerap menggunakan tulisan Jawi jika dibandingkan dengan golongan-golongan yang lain. Manakala bagi golongan pelajar-pelajar sekolah menengah, tulisan Jawi semakin jarang digunakan kecuali bagi mereka yang bersekolah dalam aliran agama atau arab. Ini kerana mereka terpaksa menulis mata pelajaran bahasa Arab seperti nahu, balaghah, dan sebagainya dalam tulisan Jawi. Pihak sekolah atau kementerian pula tidak mewajibkan mata pelajaran Jawi di sekolah menengah. Dengan keadaan sedemikian, maka terbuktilah

bahawa tulisan Jawi hanya digunakan di sekolah sahaja terutamanya di sekolah rendah.

Pada peringkat yang lebih tinggi, tulisan Jawi jarang digunakan dan sering dilupakan. Masyarakat Melayu kini perlu disemaikan dengan kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi dan pihak-pihak yang terbabit perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan tahap penggunaan tulisan Jawi. Jika kita hanya mengharapkan penggunaan tulisan Jawi melalui kesedaran masyarakat itu sendiri , ini bermakna tulisan warisan bangsa Melayu itu lama kelamaan akan hilang. Graf 1 di bawah adalah menunjukkan perbandingan tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu di kampung Kerinch, Kuala Lumpur.



Graf 1 : Perbandingan Tahap Penggunaan Tulisan Jawi Di Kalangan Masyarakat Melayu Mengikut Golongan Dalam Masyarakat

Oleh itu, sebagai kesimpulannya, penggunaan tulisan Jawi pada masa sekarang ini amat kurang. Tulisan Jawi hanya digunakan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama sahaja seperti tulisan Jawi hanya digunakan di papan-papan tanda madrasah atau surau sahaja. Golongan kanak-kanak lebih banyak menggunakan tulisan Jawi ini khususnya ketika mereka belajar di sekolah agama. Golongan masyarakat yang lain jarang menggunakan tulisan Jawi kerana dalam kehidupan seharian mereka tidak memerlukan mereka menggunakan tulisan Jawi ini.

4.2 DAPATAN KAJIAN TENTANG TAHAP PENGUASAAN MEMBACA DAN MENULIS TULISAN JAWI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Dalam menganalisis tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu pada masa kini, pengkaji telah membahagikan kepada dua jenis tahap penguasaan iaitu tahap penguasaan membaca tulisan Jawi dan tahap penguasaan menulis tulisan Jawi. Pengkaji hanya menganalisis maklumat tentang tahap penguasaan melalui borang soal selidik yang telah dikemukakan. Pengkaji telah membahagikan tahap penguasaan kepada empat peringkat iaitu amat baik, sederhana, sikit-sikit sahaja dan tidak boleh langsung membaca atau menulis tulisan Jawi. Jadual 11 di bawah menunjukkan data yang diperolehi mengenai tahap penguasaan membaca tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu.

Tahap Penguasaan	Bilangan Responden	Peratus
Amat Baik	27	23
Sederhana	54	46
Sikit-sikit	29	25
Tidak Boleh Langsung	7	6
JUMLAH	117	100

Jadual 11 : Tahap Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Di Kalangan Masyarakat Melayu

4.2.1 Tahap penguasaan membaca tulisan Jawi

(a) Penguasaan membaca tulisan Jawi pada tahap sederhana

Golongan Masyarakat	Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	17	31
Remaja	14	26
Dewasa	15	28
Tua	8	15
JUMLAH	54	100

Jadual 12 : Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Di Kalangan Masyarakat Melayu

Daripada data yang dikumpulkan didapati bahawa tahap penguasaan membaca tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu pada masa sekarang ini hanya pada tahap yang sederhana. Seramai 54 orang responden (46 %) yang memberikan maklumat bahawa mereka menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang

Tahap Penguasaan	Bilangan Responden	Peratus
Amat Baik	27	23
Sederhana	54	46
Sikit-sikit	29	25
Tidak Boleh Langsung	7	6
JUMLAH	117	100

Jadual 11 : Tahap Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Di Kalangan Masyarakat Melayu

4.2.1 Tahap penguasaan membaca tulisan Jawi

(a) Penguasaan membaca tulisan Jawi pada tahap sederhana

Golongan Masyarakat	Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	17	31
Remaja	14	26
Dewasa	15	28
Tua	8	15
JUMLAH	54	100

Jadual 12 : Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Di Kalangan Masyarakat Melayu

Daripada data yang dikumpulkan didapati bahawa tahap penguasaan membaca tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu pada masa sekarang ini hanya pada tahap yang sederhana. Seramai 54 orang responden (46 %) yang memberikan maklumat bahawa mereka menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang

sederhana (Rujuk Jadual 12). Melalui data yang diperolehi ini, bolehlah disimpulkan bahawa penguasaan membaca tulisan Jawi pada masa sekarang ini semakin merosot. Amat sukar bagi kita sekarang ini untuk mendapatkan mereka yang benar-benar menguasai pembacaan tulisan Jawi dengan baik.

Daripada data yang diperolehi juga, pengkaji mendapati bahawa golongan kanak-kanak yang berumur antara 9-12 tahun mempunyai bilangan terbanyak yang dapat membaca tulisan Jawi secara sederhana, iaitu seramai 17 orang (31%). Dengan itu, golongan pelajar-pelajar khasnya pelajar-pelajar sekolah rendah sahaja yang masih menguasai pembacaan tulisan Jawi secara sederhana kerana mereka mendapat pendedahan di sekolah terutamanya sekolah agama. Tanpa sokongan pihak sekolah, kemungkinan para pelajar kita sekarang juga tidak dapat membaca tulisan Jawi walaupun secara sederhana.


Manakala bagi golongan remaja (13-20 tahun) pula, iaitu para pelajar pada peringkat menengah khasnya hanya 14 orang (26%) yang dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi secara sederhana. Daripada data tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap penguasaan membaca Jawi di kalangan remaja amnya dan para pelajar pada peringkat menengah khasnya semakin berkurangan walaupun pada tahap yang sederhana. Situasi yang berlaku ini amat menyedihkan kerana kita mengharapkan mereka yang semakin matang akan lebih menguasai pembacaan Jawi ini. Tetapi malangnya, perkara yang sebaliknya telah berlaku.

Bagi golongan dewasa pula (21-54 tahun), jumlah mereka yang dapat membaca tulisan Jawi pada tahap yang sederhana pula adalah memuaskan. Daripada data yang dikumpulkan, 15 orang (28%) dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi

pada tahap yang sederhana. Kebanyakan daripada mereka mempunyai taraf pendidikan pada peringkat menengah. Namun begitu, terdapat juga daripada kalangan mereka yang mempunyai kelulusan di peringkat universiti. Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa bagi golongan dewasa yang dapat menguasai pembacaan Jawi pada tahap yang sederhana ini kebanyakannya mempunyai pendidikan. Ini membuktikan bahawa mereka pernah mempelajari pembacaan tulisan Jawi ini.

Walau bagaimanapun, bagi golongan tua, masih terdapat di kalangan mereka yang dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi ini walaupun pada tahap yang sederhana. Tetapi daripada segi bilangannya amat mendukacitakan iaitu hanya 8 orang daripada responden (15 %) yang dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi ini pada tahap yang sederhana. Namun begitu, ini bermakna walaupun mereka semakin berusia tetapi mereka masih tetap boleh membaca Jawi. Ini adalah hasil daripada pembelajaran mereka dahulu yang masih menitikberatkan tulisan Jawi ini dan mereka masih terus berusaha untuk menguasai tulisan Jawi. Dengan sebab itulah, tahap penguasaan mereka masih boleh dikekalkan walaupun pada tahap yang sederhana. Golongan tua ini kebanyakannya hanya mendapat pendidikan pada peringkat sekolah rendah sahaja iaitu 6 orang daripada 8 orang responden kajian yang dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang sederhana. Graf 2 di bawah menunjukkan perbandingan penguasaan membaca tulisan Jawi di kalangan masyarakat.

Perbandingan Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana



Graf 2 : Perbandingan Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Mengikut Golongan Dalam Masyarakat

Oleh itu, sebagai kesimpulannya, masyarakat Melayu kini yang dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang sederhana adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan dan kebanyakannya daripada ibu bapa atau keluarga mereka sendiri tahu membaca tulisan Jawi. Golongan kanak-kanak pula merupakan golongan yang paling ramai dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang sederhana. Tetapi tahap penguasaan pembacaan tulisan Jawi ini semakin merosot apabila usia semakin meningkat kerana ia jarang digunakan dalam kehidupan seharian.

(b) Penguasaan membaca tulisan Jawi pada tahap amat baik

Golongan Masyarakat	Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Yang Amat Baik	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	9	33
Remaja	5	19
Dewasa	7	26
Tua	6	22
JUMLAH	27	100

Jadual 13 : Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Yang Amat Baik

Daripada data yang dikumpulkan, tahap penguasaan membaca tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu sekarang pada tahap yang amat baik kurang memuaskan. Hanya 27 orang (23%) daripada responden memberikan maklumat bahawa mereka dapat membaca Jawi pada tahap yang amat baik (Rujuk Jadual 13). Golongan kanak-kanak yang berusia antara 9-12 tahun yang masih mempunyai angka bilangan yang tertinggi iaitu seramai 9 orang (33%) daripada 27 orang keseluruhannya yang dapat membaca tulisan Jawi pada tahap yang amat baik. Manakala golongan-golongan lain iaitu golongan remaja yang berumur antara 13-20 tahun adalah seramai 5 orang (19%), golongan dewasa yang berusia antara 21-54 tahun adalah seramai 7 orang (26 %) dan golongan tua (55 tahun ke atas) adalah seramai 6 orang (22 %).


Data yang diperolehi ini membuktikan bahawa hanya golongan kanak-kanak amnya dan para pelajar sekolah rendah khasnya yang masih dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang amat baik. Ini kerana pada masa sekarang

ini, hanya murid-murid sekolah rendah sahaja yang didedahkan dengan tulisan Jawi iaitu dengan mempelajarinya di sekolah khasnya di sekolah agama. Selain itu, terdapat juga di kalangan mereka yang menghadiri kelas-kelas agama atau fardhu ain yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak yang tertentu yang membolehkan mereka mempertingkatkan lagi tahap penguasaan membaca tulisan Jawi. Manakala bagi golongan-golongan yang lain pula, mereka kurang didedahkan dengan tulisan-tulisan Jawi ini. Jarang terdapat kelas-kelas yang ditubuhkan yang dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan membaca tulisan Jawi bagi golongan-golongan ini.

Bagi golongan masyarakat yang dapat menguasai tahap pembacaan tulisan Jawi dengan amat baik kebanyakannya adalah berpendidikan sekolah rendah iaitu seramai 17 orang (63%), sekolah menengah adalah seramai 6 orang (22%) dan sekolah agama hanya 4% iaitu seorang sahaja. Terdapat juga daripada kalangan mereka yang melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat universiti iaitu seramai 2 orang (7%).

Namun begitu, terdapat juga golongan-golongan yang tidak bersekolah terutamanya golongan tua tetapi mereka masih dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi dengan amat baik. Ini kerana terdapatnya kesedaran dalam diri mereka tentang kepentingan tulisan Jawi ini. Melalui kesedaran tersebut yang disertai dengan amalan iaitu sentiasa menggunakan tulisan Jawi itulah yang telah menyebabkan mereka dapat menguasai pembacaan Jawi dengan amat baik. Selain itu, mereka juga mempunyai minat yang mendalam untuk belajar membaca tulisan Jawi iaitu dengan mempelajarinya secara bersendirian di rumah dan mereka juga berasa amat seronok apabila dapat mempelajari tulisan Jawi. Mereka juga membaca akhbar dalam edisi Jawi untuk meningkatkan tahap penguasaan membaca tulisan Jawi. Carta pai 1 di

bawah menunjukkan perbandingan penguasaan membaca tulisan Jawi pada tahap yang amat baik megikut taraf pendidikan di kalangan masyarakat.



Carta Pai 1 : Perbandingan Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Yang Amat Baik Mengikut Taraf Pendidikan Di Kalangan Masyarakat

(c) Penguasaan membaca tulisan Jawi pada tahap sikit-sikit sahaja

Golongan Masyarakat	Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sikit-sikit Sahaja	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	4	14
Remaja	10	34
Dewasa	7	24
Tua	8	28
JUMLAH	29	100

Jadual 14 : Tahap Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Pada Tahap Sikit-sikit Sahaja

Bagi masyarakat yang menguasai tahap pembacaan tulisan Jawi secara sikit-sikit sahaja adalah seramai 29 orang (25%). Golongan remaja mempunyai statistik bilangan yang paling tinggi yang hanya boleh menguasai pembacaan tulisan Jawi secara sikit-sikit sahaja iaitu seramai 10 orang (35%). Ini membuktikan bahawa golongan remaja kini tidak lagi menitikberatkan soal tulisan Jawi. Mereka hanya memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang lain kerana bagi para pelajar peringkat menengah misalnya hanya sibuk mempelajari dan mengulangkaji matapelajaran-matapelajaran lain untuk peperiksaan. Ini kerana peperiksaan akan menentukan arah tujuan mereka pada masa akan datang. Justeru itu, bagi matapelajaran-matapelajaran yang tidak ada peperiksaan khususnya tulisan Jawi tidak begitu diendahkan lagi dan dibiarkan begitu sahaja tanpa ada kesedaran bahawa tulisan Jawi adalah tulisan warisan bangsanya.

Manakala bagi golongan dewasa pula, mereka yang menguasai tulisan Jawi pada tahap sikit-sikit sahaja adalah seramai 7 orang (24%). Ini kerana kebanyakannya daripada mereka hanya belajar pada tahap sekolah rendah sahaja. Namun begitu terdapat juga di kalangan mereka yang tidak bersekolah. Oleh itu, jika tidak ada usaha daripada diri mereka sendiri untuk menguasai pembacaan tulisan Jawi dengan baik, maka mereka akan ketinggalan.

Sebagai kesimpulannya, daripada analisis data yang telah dikumpulkan, pengkaji mendapati bahawa golongan remaja kini tidak dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi dengan baik. Manakala bagi golongan dewasa pula, mereka tidak dapat menguasai pembacaan tulisan Jawi dengan baik kerana mereka tidak berpeluang untuk bersekolah. Ini bermakna mereka tidak berpeluang untuk mempelajari tulisan Jawi. Terdapat juga di kalangan mereka yang mendapat pendidikan pada tahap

sekolah rendah sahaja. Selain itu, kebanyakan daripada ibu bapa atau keluarga mereka juga tidak tahu membaca Jawi. Dengan itu, penguasaan membaca tulisan Jawi tidak dititikberatkan lagi.

(d) **Tidak boleh langsung membaca Tulisan Jawi**


Golongan Masyarakat	Golongan Masyarakat Yang Tidak Boleh Langsung Membaca Tulisan Jawi	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	-	-
Remaja	1	14
Dewasa	1	14
Tua	5	71
JUMLAH	7	100

Jadual 15 : Golongan Masyarakat Yang Tidak Boleh Langsung Membaca Tulisan Jawi

Daripada kajian yang telah dibuat, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat juga golongan masyarakat kini yang tidak boleh langsung membaca tulisan Jawi. Daripada kajian tersebut, seramai 7 orang (6%) yang tidak boleh langsung membaca tulisan Jawi. Kebanyakan daripada mereka ialah golongan tua iaitu seramai 5 orang (71%). Manakala golongan remaja dan dewasa masing-masing hanya seorang sahaja (14%). Ini kerana kebanyakan daripada mereka tidak bersekolah dan tidak berpeluang untuk mempelajari tulisan Jawi iaitu seramai 3 orang (43%).

Namun begitu, terdapat juga daripada golongan mereka yang mempunyai peluang belajar di sekolah rendah dan juga sehingga ke peringkat menengah tetapi tidak boleh langsung membaca tulisan Jawi. Tetapi bilangannya masing-masing

hanya 2 orang atau 29%. Ini kerana tidak ada kesedaran dalam diri mereka untuk belajar membaca tulisan Jawi dan kesukaran mereka untuk menerima tulisan Jawi. Disamping itu juga, mereka juga tidak mendapat galakan dan dorongan daripada kaum keluarga dan sahabat handai. Graf 3 di bawah menunjukkan tahap penguasaan membaca Jawi di kalangan masyarakat Melayu.



Graf 3 : Tahap Penguasaan Membaca Tulisan Jawi Di Kalangan Masyarakat Melayu.

Kesimpulannya, masyarakat Melayu kini hanya mampu menguasai pembacaan tulisan Jawi pada tahap yang sederhana sahaja. Ini kerana kebanyakan masyarakat sekarang tidak lagi menitikberatkan pembacaan tulisan Jawi jika dibandingkan dengan suatu masa dahulu. Jika tidak ada pihak yang prihatin dan bertanggungjawab untuk memperkembang dan meningkatkan lagi tahap penguasaan di kalangan masyarakat kita pada hari ini dengan mengadakan program-program

tertentu yang boleh meningkatkan lagi tahap penguasaan membaca tulisan Jawi, besar kemungkinan tulisan Jawi hilang dan tinggal sebagai sejarah semata-mata.

4.2.2 Tahap penguasaan menulis tulisan Jawi


Tahap penguasaan menulis tulisan Jawi juga dibahagikan kepada empat tahap iaitu amat baik, sederhana, sikit-sikit sahaja dan tidak boleh langsung. Kebanyakan daripada responden yang dapat membaca tulisan Jawi semestinya boleh menulis tulisan Jawi. Tetapi terdapat juga responden yang tahu membaca tulisan Jawi, tetapi tidak tahu langsung menulis tulisan Jawi. Hanya 5 orang (4 %) daripada mereka yang tahu membaca tulisan Jawi tetapi tidak boleh langsung menulis tulisan Jawi.

Tahap Penguasaan Menulis Tulisan Jawi	Bilangan Responden	Peratus
Amat Baik	27	23
Sederhana	53	46
Sikit-sikit	25	21
Tak Boleh Langsung	12	10
JUMLAH	117	100

Jadual 16 : Tahap Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Di Kalangan Masyarakat Melayu

Golongan masyarakat Melayu hari ini yang dapat menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap yang amat baik ialah seramai 27 orang (23%) sahaja. Pada keseluruhannya, masyarakat Melayu hari ini hanya dapat menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap yang sederhana iaitu seramai 53 orang (46%). Manakala bagi

mereka yang dapat menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap yang sikit-sikit sahaja dan tak boleh menulis tulisan Jawi langsung adalah masing-masing seramai 25 orang (21%) dan 12 orang (10%). Perbandingan tahap penguasaan menulis tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu hari ini boleh dilihat melalui carta pai 2 di bawah :



Carta Pai 2 : Peratusan Tahap Penguasaan Menulis Tulisan Jawi

(a) Penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap sederhana

Golongan Masyarakat	Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	16	30
Remaja	13	25
Dewasa	14	26
Tua	10	19
JUMLAH	53	100

Jadual 17 : Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Di Kalangan Masyarakat Melayu


Daripada kajian yang dijalankan, sebagaimana tahap membaca tulisan Jawi, kebanyakannya daripada masyarakat hari ini juga dapat menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana, iaitu seramai 53 orang (46%). Angka bilangan yang paling tinggi bagi penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana adalah juga merupakan kanak-kanak yang berumur antara 9-12 tahun iaitu seramai 16 orang (30%).

Sepertimana tahap penguasaan membaca tulisan Jawi, kanak-kanak amnya dan para pelajar khasnya ini juga didedahkan dengan kemahiran menulis tulisan Jawi di sekolah sama ada dengan membuat latihan-latihan yang diberikan oleh guru-guru mereka di dalam kelas atau di rumah. Tetapi bagi mereka, sekolah agama lebih menitikberatkan soal tulisan Jawi ini. Selain itu, pertandingan-pertandingan yang diadakan di sekolah seperti seni khat juga dapat meningkatkan penguasaan para pelajar ini menulis tulisan Jawi. Dengan itu, tahap penguasaan menulis tulisan Jawi mereka adalah lebih baik jika dibandingkan dengan golongan-golongan yang lain walaupun pada tahap yang sederhana. Manakala bagi golongan remaja ialah seramai 13 orang (25%), golongan dewasa mempunyai bilangan seramai 14 orang (26%) dan golongan tua sebanyak 19 peratus atau 10 orang. Graf 4 di bawah menunjukkan perbandingan penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana mengikut golongan umur.

Daripada kajian yang dijalankan, sebagaimana tahap membaca tulisan Jawi, kebanyakan daripada masyarakat hari ini juga dapat menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana, iaitu seramai 53 orang (46%). Angka bilangan yang paling tinggi bagi penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana adalah juga merupakan kanak-kanak yang berumur antara 9-12 tahun iaitu seramai 16 orang (30%).

Sepertimana tahap penguasaan membaca tulisan Jawi, kanak-kanak amnya dan para pelajar khasnya ini juga didedahkan dengan kemahiran menulis tulisan Jawi di sekolah sama ada dengan membuat latihan-latihan yang diberikan oleh guru-guru mereka di dalam kelas atau di rumah. Tetapi bagi mereka, sekolah agama lebih menitikberatkan soal tulisan Jawi ini. Selain itu, pertandingan-pertandingan yang diadakan di sekolah seperti seni khat juga dapat meningkatkan penguasaan para pelajar ini menulis tulisan Jawi. Dengan itu, tahap penguasaan menulis tulisan Jawi mereka adalah lebih baik jika dibandingkan dengan golongan-golongan yang lain walaupun pada tahap yang sederhana. Manakala bagi golongan remaja ialah seramai 13 orang (25%), golongan dewasa mempunyai bilangan seramai 14 orang (26%) dan golongan tua sebanyak 19 peratus atau 10 orang. Graf 4 di bawah menunjukkan perbandingan penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana mengikut golongan umur.


Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Mengikut Golongan Umur



Graf 4 : Perbandingan Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Di Kalangan Masyarakat Melayu Mengikut Golongan Umur

Mereka yang dapat menguasai penulisan Jawi pada tahap yang sederhana ini adalah berpendidikan sekolah rendah iaitu seramai 23 orang (43%), sekolah menengah adalah seramai 26 orang (49%) dan juga ada yang melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat universiti iaitu seramai 4 orang (8%). Carta pai 3 di bawah menunjukkan peratusan penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang sederhana mengikut taraf pendidikan.

**Peratusan Penguasaan Menulis Tulisan Jawi
Pada Tahap Sederhana Mengikut Taraf
Pendidikan**




Carta Pai 3 : Peratusan Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sederhana Mengikut Taraf Pendidikan

(b) Penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang amat baik

Golongan Masyarakat	Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Yang Amat Baik	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	10	37
Remaja	7	26
Dewasa	6	22
Tua	4	15
JUMLAH	27	100

Jadual 18 : Tahap Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Yang Amat Baik

Bagi responden yang dapat menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap yang amat baik pula adalah seramai 27 orang (23%). Daripada angka tersebut, 10 orang (37%) daripadanya adalah golongan kanak-kanak atau pelajar sekolah rendah. Ini diikuti pula dengan mereka yang berumur antara 13-20 tahun yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah secara amnya iaitu seramai 7 orang (26%). Statistik ini menunjukkan bahawa hanya golongan yang masih bersekolah yang boleh menulis Jawi dengan amat baik. Bagi golongan dewasa (21-54 tahun) dan golongan tua (55 tahun ke atas) mempunyai bilangan angka 6 orang (22%) dan 4 orang (15%). Carta pai 4 di bawah menunjukkan perbandingan peratusan penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap yang amat baik mengikut golongan masyarakat.



Carta Pai 4 : Peratusan Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Amat Baik
Mengikut Golongan Masyarakat

Kebanyakan daripada masyarakat Melayu yang dapat menguasai penulisan tulisan Jawi ini pada tahap yang amat baik kerana mereka berpendidikan iaitu sekolah rendah seramai 12 orang (44%) dan sekolah menengah adalah seramai 10 orang (37%). Manakala yang mendapat pendidikan di sekolah agama dan juga pada peringkat universiti adalah masing-masing 2 orang (7%) .

Namun begitu, terdapat juga mereka yang tidak bersekolah tetapi dapat menguasai penulisan tulisan Jawi ini dengan amat baik kerana mereka mempunyai minat yang mendalam terhadap tulisan Jawi ini. Tetapi bilangannya amat sedikit iaitu hanya 4 % atau seorang sahaja daripada mereka yang tidak bersekolah tetapi dapat menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap yang amat baik. Mereka mempelajarinya secara sendirian di rumah di waktu-waktu yang terluang disamping membaca akhbar atau buku-buku yang dicetak dalam tulisan Jawi. Lama kelamaan usaha tersebut akan membawa hasil yang besar kerana mereka bukan sahaja dapat membaca tulisan Jawi dengan amat baik tetapi juga menulis tulisan Jawi.

(c) Penguasaan menulis tulisan Jawi pada tahap sikit-sikit sahaja

Golongan Masyarakat	Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sikit-sikit	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	4	24
Remaja	8	32
Dewasa	7	28
Tua	6	16
JUMLAH	25	100

Jadual 19 : Penguasaan Menulis Tulisan Jawi Pada Tahap Sikit-sikit sahaja

Responden kajian yang dapat menulis Jawi pada tahap sikit-sikit sahaja adalah seramai 25 orang (21%)(Rujuk Jadual 19). Daripada data yang telah dikumpulkan didapati bahawa golongan remaja yang berumur antara 13-20 tahun adalah golongan yang terbesar yang dapat menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap sikit-sikit sahaja iaitu seramai 8 orang (32%).

Walaupun mereka mempelajari penulisan tulisan Jawi di sekolah tetapi ia tidak dimanfaatkan dan dititikberatkan lagi oleh golongan tersebut kerana bagi mereka mata pelajaran yang akan diduduki dalam peperiksaan adalah lebih penting. Dengan itu, tulisan Jawi ini tidak digunakan lagi kecuali bagi mereka yang mengambil aliran agama yang diwajibkan menulis mata pelajaran Arab dalam tulisan Jawi. Mereka hanya mempelajari mata pelajaran Jawi ini di sekolah rendah sahaja khasnya di sekolah agama. Justeru itu, penguasaan menulis tulisan Jawi semakin berkubur begitu sahaja. Kebanyakannya daripada mereka mempunyai taraf pendidikan sekolah rendah dan menengah iaitu masing-masing 11 orang (44%). Namun begitu, terdapat juga daripada kalangan mereka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti tetapi dalam bilangan yang kecil sahaja iaitu 3 orang (12%).

(d) **Tidak boleh langsung menulis tulisan Jawi.**

Golongan Masyarakat	Tidak Boleh Langsung Menulis Tulisan Jawi	
	Bilangan Responden	Peratus
Kanak-kanak	-	-
Remaja	2	17
Dewasa	3	25
Tua	7	58
JUMLAH	12	100

Jadual 20 : Golongan Masyarakat Yang Tidak Boleh Langsung Menulis Tulisan Jawi

Daripada data yang dikumpulkan, terdapat juga masyarakat Melayu sekarang ini yang tidak tahu langsung menulis tulisan Jawi iaitu seramai 12 orang (10%). Majoritinya adalah terdiri daripada golongan tua seramai 7 orang (58%) daripada jumlah keseluruhan mereka yang tidak tahu menulis Jawi. Bagi golongan remaja dan dewasa ialah masing-masing 2 orang (17%) dan 5 orang (25%). Manakala tidak ada daripada golongan kanak-kanak yang berumur antara 9-12 tahun yang tidak tahu langsung menulis tulisan Jawi. Situasi sebegini merupakan satu perkembangan yang amat memberangsangkan. Tetapi usaha-usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis tulisan Jawi ini perlu diadakan untuk semua peringkat umur. Ini bermakna semua peringkat umur perlu didedahkan dengan program-program untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi ini. Dengan itu, semua golongan masyarakat Melayu akan dapat menguasai penulisan tulisan Jawi ini.

Kesimpulannya, masyarakat Melayu pada hari ini kebanyakannya hanya mampu menguasai penulisan tulisan Jawi pada tahap sederhana sahaja. Namun begitu, tahap penguasaan menulis tulisan Jawi ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah khasnya pelajar sekolah rendah amat memberangsangkan. Daripada data yang dikumpulkan, tidak terdapat golongan kanak-kanak ini yang tidak tahu langsung menulis Jawi.


Dapatan kajian ini merupakan satu perkembangan di kalangan masyarakat kita kerana kebanyakan daripada mereka mempelajari tulisan Jawi ini di sekolah khasnya di sekolah agama. Tetapi perkara yang membimbangkan ialah masyarakat kita hari ini semakin lemah tahap penguasaan menulis tulisan Jawi mereka apabila umur semakin meningkat. Ini kerana penguasaan penulisan tulisan Jawi ini semakin dilupakan dan tidak dipraktikkan apabila mereka meninggalkan alam persekolahan. Masalah seperti ini perlu ditangani segera dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Manakala kebanyakan daripada mereka yang tidak tahu langsung menulis tulisan Jawi ini adalah golongan tua kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajarinya.

4.3 DAPATAN KAJIAN TENTANG PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU TERHADAP TULISAN JAWI

Kebanyakan daripada masyarakat Melayu hari ini masih lagi berpendapat bahawa tulisan Jawi amat penting bagi mereka. Daripada jumlah responden, seramai 59 orang (50.4%) yang menyatakan pendapat mereka bahawa tulisan Jawi amat penting. Manakala seramai 44 orang (37.6%) yang menyatakan bahawa tulisan Jawi adalah penting bagi masyarakat terutamanya masyarakat Melayu sekarang. Bagi mereka yang berpendapat bahawa tulisan Jawi ini kurang penting dan tidak penting adalah masing-masing seramai 12 orang (10.3%) dan 2 orang (1.7%).

Ini menunjukkan bahawa masih lagi terdapat kesedaran dalam diri mereka tentang kepentingan tulisan Jawi kerana hanya segelintir daripada kalangan masyarakat yang tidak menyedari tentang kepentingan tulisan Jawi ini. Namun begitu, perkara yang paling menyedihkan pengkaji ialah golongan masyarakat Melayu hari ini hanya mempunyai kesedaran semata-mata tetapi amalan untuk meningkatkan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi amat kurang. Ini kerana hasil daripada kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu hari ini amat kurang dan begitu juga dengan tahap penguasaan sama ada membaca atau menulis tulisan Jawi juga hanya pada tahap yang sederhana seperti yang telah dibincangkan. Carta Pai 5 di bawah menunjukkan perbandingan antara masyarakat mengenai persepsi mereka terhadap tulisan Jawi.

Peratusan Persepsi Masyarakat Melayu Terhadap Tulisan Jawi



Carta Pai 5 : Peratusan Persepsi Masyarakat Melayu Hari Ini Terhadap Tulisan Jawi

Masyarakat hari ini berpendapat tulisan Jawi ini penting kerana ia berkait rapat dengan kemahiran seseorang membaca al-Quran dan ia juga merupakan khazanah bagi bangsa Melayu. Selain itu, dengan mempunyai penguasaan dalam tulisan Jawi itu juga membolehkan seseorang itu membaca kitab-kitab agama dengan lebih baik dan lancar. Kemahiran dalam tulisan Jawi juga membolehkan seseorang itu menambahkan pendapatannya hasil daripada kemahiran seseorang membuat seni khat Jawi untuk dijual. Jadual di bawah menunjukkan peratusan faktor-faktor kepentingan tulisan Jawi yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang dikemukakan kepada responden-responden. Kebanyakan daripada responden telah memberikan pendapat mereka mengenai kepentingan tulisan Jawi lebih daripada satu pendapat. Keadaan ini telah menjadikan jumlah bilangan responden dalam data adalah seramai 142 orang.

Kepentingan tulisan Jawi	Bilangan Responden	Peratus
Berkait dengan kemahiran membaca al-Quran	63	53.8
Khazanah bangsa Melayu	41	28.9
Memudahkan untuk membaca kitab-kitab agama	22	15.5
Pendapatan sampingan hasil daripada khat Jawi	16	11.3
JUMLAH	142	100

Jadual 21 : Kepentingan Tulisan Jawi Bagi Masyarakat Melayu

Daripada soal selidik yang dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa tulisan Jawi amat penting bagi masyarakat sekarang kerana bagi mereka tulisan Jawi ini adalah berkait rapat dengan penguasaan membaca al-Quran. Seramai 63 orang responden (53.8%) yang menyatakan pendapat sedemikian. Al-Quran adalah merupakan panduan bagi umat Islam. Ayat-ayat al-Quran juga perlu dibaca dalam solat. Pembacaan ayat-ayat al-Quran yang salah dalam solat menyebabkan solat seseorang itu tidak sah. Dengan sebab itulah, tulisan Jawi itu penting. Kebanyakan daripada golongan masyarakat tersebut hanya dapat membaca al-Quran secara sederhana iaitu seramai 70 orang (59.8%). Oleh itu, penguasaan Jawi itu perlu dipertingkatkan kerana ia berkait rapat dengan penguasaan membaca al-Quran yang amat penting bagi umat Islam.

Selain itu, seramai 41 orang responden (28.9%) yang menyatakan tulisan Jawi ini amat penting kerana tulisan Jawi merupakan tulisan yang digunakan oleh masyarakat Melayu sebelum tulisan Rumi diperkenalkan. Justeru itu, ia perlu

didedahkan kepada masyarakat sekarang supaya mereka dapat mempelajari dan mereka akan mengetahui tulisan asal bagi masyarakat Melayu. Golongan tua amat berminat dengan tulisan Jawi dan mereka berasa amat sedih kerana tulisan Jawi ini tidak begitu dititikberatkan lagi pada masa sekarang ini. Mereka juga mengharapkan terdapat pihak-pihak yang tertentu yang akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya tulisan Jawi ini akan terus digunakan.

Tulisan Jawi juga penting bagi mereka kerana kemahiran membaca Jawi ini amat diperlukan apabila mereka ingin membaca kitab-kitab agama. Responden responden yang memberikan pandangan sedemikian adalah seramai 22 orang (15.5%). Ini kerana kebanyakan kitab-kitab agama masih tertulis dalam tulisan Jawi. Kitab-kitab agama ini biasanya akan dibaca oleh imam-imam atau guru-guru agama semasa memberikan ceramah di surau-surau atau madrasah-madrasah. Daripada tinjauan yang telah dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa terdapat juga imam-imam dan juga guru-guru agama yang memberikan ceramah kepada para jemaah selepas mendirikan solat isyak. Tetapi sayangnya, ia hanya dihadiri oleh golongan-golongan tua dalam jumlah yang sikit sahaja. Ini kerana, kebanyakan daripada mereka yang lain sibuk dengan perkara-perkara lain dan tidak sempat untuk menghadiri ceramah-ceramah tersebut atau kelas-kelas belajar kitab ataupun tulisan Jawi. Hanya 40% daripada mereka yang menghadiri kelas-kelas tersebut.

Selain itu, masyarakat Melayu hari ini juga berpendapat bahawa tulisan Jawi ini amat penting kerana dengan mempunyai kemahiran menulis Jawi khususnya khat Jawi akan dapat mendatangkan hasil yang lumayan. Hanya 16 orang responden (11.3%) yang berpendapat sedemikian. Ini disebabkan oleh seni khat Jawi ini amat diperlukan bagi masyarakat Melayu sekarang. Daripada kajian yang telah dilakukan,

kebanyakan daripada penghuni rumah-rumah kediaman menggunakan hiasan seni khat Jawi ini untuk menghiasi kediaman atau rumah mereka. Daripada data yang dikumpulkan, 98 orang (83.8%) telah menghiasi rumah mereka dengan hiasan seni khat Jawi. Oleh itu, mereka yang berkemahiran dengan seni khat Jawi ini boleh menjadikan kemahiran tersebut sebagai langkah untuk menambahkan lagi pendapatan mereka.

Kesimpulannya, kita perlu bersyukur kerana masyarakat Melayu hari ini masih lagi mempunyai kesedaran dan mengakui bahawa tulisan Jawi mempunyai kepentingan-kepentingannya yang tidak dapat didokong oleh tulisan-tulisan lain di dunia ini. Justeru itu, kita perlu berbangga dengan tulisan Jawi yang mana rata-rata masyarakat Melayu sekarang masih berbangga terhadap tulisan warisan bangsa itu. Tetapi kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi ini perlulah sejajar dengan usaha-usaha untuk meluaskan lagi penggunaan dan meningkatkan lagi penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu.

4.4 DAPATAN KAJIAN MENGENAI FAKTOR-FAKTOR PEMINGGIRAN TULISAN JAWI OLEH MASYARAKAT MELAYU

Tulisan Jawi yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu semakin hari semakin dilupakan oleh masyarakat Melayu sekarang. Walaupun daripada hasil kajian yang dilakukan menyatakan pendapat mereka bahawa tulisan Jawi ini penting, tetapi jika hanya kesedaran sahaja dan tiada usaha yang diambil untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan dan penggunaannya, ia tidak akan memberikan apa-apa makna dan kesan. Akibat daripada itu, semakin ramai daripada golongan masyarakat sekarang terutamanya golongan remaja dan dewasa tidak lagi dapat menguasai Jawi dengan amat baik. Amat sukar bagi kita untuk menemui mereka yang begitu menguasai tulisan Jawi ini sama ada menulis atau membaca. Rata-rata daripada golongan masyarakat menyatakan bahawa jika mereka atau anak-anak mereka dapat menguasai tulisan Jawi ini kerana mereka menghantar anak-anak ke sekolah agama.

Seramai 67 orang informan telah ditemui bual oleh pengkaji di sekitar lokasi kajian. Daripada jumlah tersebut, (11.9 %) atau 8 orang daripadanya tidak dapat memberikan sebarang komen kenapa tulisan Jawi ini dipinggirkan oleh masyarakat sekarang. Daripada temu bual tersebut, pengkaji dapat mengklasifikasikan faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi ini kepada 9 faktor. Faktor-faktor tersebut adalah seperti di dalam Jadual 22 di bawah:

Bil.	Faktor-Faktor Peminggiran Tulisan Jawi Oleh Masyarakat Sekarang	Bilangan Informan	Peratus
1.	Tulisan rumi digunakan secara lebih meluas	8	7.4
2.	Tidak ada mata pelajaran khusus untuk tulisan Jawi	9	8.3
3.	Kurang didedahkan dan tidak disebarluaskan secara meluas kepada masyarakat	11	14.8
4.	Tidak mempelajari tulisan Jawi	20	18.5
5.	Tidak ada galakan dan tidak lagi dititikberatkan serta tidak ada kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi	32	29.6
6.	Kurangnya penguasaan membaca al-Quran	1	0.9
7.	Kurang minat dan rasa susah untuk mempelajari tulisan Jawi	14	13.0
8.	Tidak ada orang yang betul-betul arif untuk mengajar tulisan Jawi	1	0.9
9.	Tulisan Jawi tidak penting dan lebih tumpukan kepada mata pelajaran yang lain	7	6.5
JUMLAH		108	100

Jadual 22 : Faktor-faktor Peminggiran Tulisan Jawi Oleh Masyarakat Melayu

Kebanyakan daripada informan telah memberikan lebih daripada satu pendapat mengenai faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu. Keadaan ini telah menyebabkan jumlah bilangan informan dalam data tersebut menjadi 108 orang. Dengan itu, daripada faktor-faktor yang disenaraikan dalam Jadual 21 di atas, faktor yang paling ketara mengikut pandangan masyarakat ialah kerana tulisan Jawi ini tidak lagi dititikberatkan sama ada oleh kerajaan, golongan ibu bapa, anak-anak dan pihak-pihak yang terlibat seperti sekolah dan sebagainya. Sebanyak 29.6 peratus atau 32 orang informan berpendapat sedemikian. Contohnya ialah seperti pihak kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan lagi tahap penggunaan Jawi ini seperti dengan mewajibkan papan-papan tanda di semua premis atau jalan raya menggunakan tulisan Jawi ataupun kedua-dua tulisan Jawi dan Rumi digunakan tetapi tulisan Jawi itu hendaklah lebih besar daripada tulisan Rumi. Kebanyakan daripada aktiviti-aktiviti yang lain juga dijalankan dalam tulisan Rumi.

Pihak-pihak yang terlibat juga seperti kerajaan kurang mengambil penekanan terhadap tulisan Jawi ini. Mereka kurang memberikan galakan kepada anak-anak muda sekarang untuk menggunakan dan mempelajari tulisan Jawi. Tidak ada aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menarik minat masyarakat supaya lebih menggunakan tulisan Jawi ini. Pihak kementerian dan sekolah juga kurang memberikan galakan kepada para pelajar sekarang supaya menggunakan tulisan Jawi. Tidak ada inisiatif yang dilakukan untuk memperkembangkan lagi penggunaan tulisan Jawi.

Selain itu, kurangnya kesedaran di kalangan masyarakat itu sendiri contohnya ibu bapa tentang kepentingan tulisan Jawi. Ini bermakna ibu bapa sendiri tidak menitikberatkan soal tulisan Jawi ini sama ada untuk diri mereka sendiri atau anak-anak. Mereka tidak mengasuh anak-anak supaya mahir dalam tulisan Jawi ini semenjak mereka kecil lagi. Ini kerana anak-anak adalah terdidik dengan didikan ibu bapa masing-masing dan ibubapa jugalah yang mencorakkan mereka. Selain itu, ibu bapa juga tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama. Ini kerana bagi mereka hanya di sekolah agama, anak-anak dapat belajar tulisan Jawi dengan lebih baik jika dibandingkan dengan sekolah biasa. Dengan itu, natijahnya adalah kepada anak-anak mereka sendiri. Mereka tidak boleh menguasai tulisan Jawi lagi. Tanpa kesedaran anak-anak remaja itu sendiri, maka tulisan Jawi itu tidak lagi mempunyai kepentingan.

Faktor kedua ialah kebanyakannya daripada informan menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan tulisan Jawi kerana mereka tidak pernah belajar tulisan tersebut. Terdapat juga daripada kalangan mereka yang hanya belajar sekadar "*melepaskan batuk ditangga*." Dengan sebab itulah mereka tidak dapat menguasai

dan akhirnya tidak dapat menggunakan tulisan Jawi ini. Seramai 20 orang informan (18.5%) yang menyatakan pendapat ini. Sesetengah daripada anak-anak pula menerima akibat daripada sikap ibu bapa mereka yang tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi ini. Mereka tidak pernah diantar ke sekolah agama. Justeru itu, mereka tidak dapat menguasai tulisan Jawi ini kerana kebanyakan daripada kanak-kanak dan remaja yang boleh menguasai tulisan Jawi kerana diantar ke sekolah agama. Bagi mereka, sekolah agamalah yang lebih banyak memberikan pendedahan mengenai tulisan Jawi sama ada menulis atau membaca.

Faktor yang ketiga ialah kerana kurangnya pendedahan mengenai tulisan Jawi pada masa kini. Rata-rata masyarakat hari ini hanya menggunakan tulisan Rumi dalam apa jua urusan. Tulisan Jawi tidak disebarluaskan secara meluas kepada masyarakat. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, 16 orang daripada informan (14.8%) menyatakan masalah ini. Selain daripada akhbar-akhbar dalam edisi Jawi yang semakin sukar untuk didapati kini, rancangan televisyen berkaitan dengan tulisan Jawi juga kurang disiarkan. Akhbar Utusan Melayu sekarang ini hanya diterbitkan seminggu sekali kerana akhbar ini kurang mendapat sambutan daripada masyarakat. Dengan sebab itulah, penggunaan tulisan Jawi semakin dipinggirkan.

Begitu juga dengan bahan bacaan dalam edisi Jawi. Penerbit-penerbit buku juga kurang menerbitkan buku-buku dalam tulisan Jawi. Buku-buku mata pelajaran agama di sekolah-sekolah juga dicetak dalam tulisan Rumi. Jika terdapat buku-buku yang dicetak dalam tulisan Jawi, ia hanya sekadar hiasan semata-mata kerana dibawah tulisan Jawi tersebut ada tertulis dalam ejaan Rumi yang memudahkan para pelajar membacanya. Dengan itu, pelajar-pelajar ini tidak lagi mengendahkan tulisan Jawi malah akan terus membacanya dalam ejaan Rumi tanpa ada usaha untuk

mempelajari dan mendalami ejaan Jawi tersebut.

Faktor yang keempat pula ialah kerana generasi muda hari ini tidak lagi berminat untuk menggunakan tulisan Jawi iaitu seramai 14 orang (13.0%) daripada informan menyatakan pandangan sedemikian. Akibat daripada kurangnya galakan dan kurang dititikberatkan oleh pihak-pihak yang terlibat dan golongan ibu bapa serta tidak disebarluaskan kepada umum, generasi muda sekarang kurang berminat untuk mendalami tulisan Jawi, apakah lagi untuk menggunakannya. Mereka merasakan bahawa tulisan Jawi tidak mempunyai sebarang kepentingan dan tidak mempedulikannya lagi. Sesetengah daripada mereka berasa tulisan Jawi ini amat susah untuk difahami. Akhirnya, masyarakat tersebut hanya menggunakan tulisan Rumi termasuklah dalam mata pelajaran agama Islam. Oleh itu, tulisan Jawi semakin hari semakin dilupakan.

Faktor seterusnya ialah di sekolah-sekolah sekarang ini tidak ada mata pelajaran yang khusus untuk tulisan Jawi. Situasi ini amat berbeza dengan zaman 60-an dan 70-an dahulu. Menurut seorang informan, semasa beliau belajar dahulu dalam tahun 60-an, tulisan Jawi amat dipentingkan dan ia mempunyai mata pelajaran khusus untuk tulisan Jawi iaitu Ejaan Jawi dan Rencana Jawi. Tetapi pada masa sekarang, tulisan Jawi hanya diselitkan dalam mata pelajaran agama Islam sahaja. Namun begitu, pada masa sekarang ini, buku-buku agama pun telah banyak ditulis dalam tulisan Rumi. Seramai 9 orang informan (8.3%) yang menyatakan pendapat ini.

Tulisan Rumi yang digunakan secara meluas pada masa sekarang juga merupakan salah satu faktor tulisan Jawi dipinggirkan, iaitu seramai 8 orang (7.4%) yang telah memberikan pandangan tersebut. Tulisan Rumi digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang kehidupan termasuk juga dalam surat menyurat, di papan-papan tanda dan sebagainya. Sebenarnya, fungsi ini didukung oleh tulisan Jawi pada suatu masa dahulu. Tetapi sekarang ini tulisan Jawi hanya digunakan dalam perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan agama sahaja. Semenjak Akta Bahasa Kebangsaan memutuskan bahawa tulisan rasmi bagi bahasa Melayu ialah tulisan Rumi, walaupun penggunaan tulisan Jawi tidak dihalang, maka semenjak itulah tulisan Jawi merosot sedikit demi sedikit.

Terdapat juga masyarakat yang berpendapat bahawa tulisan Jawi ini dipinggirkan kerana bagi mereka tulisan Jawi ini tidak penting iaitu sebanyak 6.5 peratus atau 7 orang yang menyatakan pandangan tersebut. Di sekolah juga, guru-guru lebih menitikberatkan dan memfokuskan kepada mata pelajaran yang lain. Ini kerana kebanyakan guru-guru dan para pelajar akan lebih mementingkan mata pelajaran yang akan diduduki dalam peperiksaan seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik dan sebagainya. Mata pelajaran tersebut amat penting bagi mereka kerana ia menentukan masa depan para pelajar. Tulisan Jawi pula tidak termasuk dalam peperiksaan, jadi ia kurang dititikberatkan. Mereka hanya sekadar mempelajarinya sahaja.

Selain itu, faktor-faktor peminggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu juga kerana sekarang ini amat sukar bagi penduduk setempat untuk mendapatkan orang yang betul-betul arif dan tahu dalam bidang tulisan Jawi ini. Hanya seorang (0.9%) berpendapat sedemikian. Disebabkan kesukaran tersebut, mereka lebih suka

mengambil pendekatan untuk membiarkan sahaja masalah mereka dalam tulisan Jawi tanpa ada penyelesaian. Dengan itu, pengetahuan mereka tentang tulisan Jawi semakin berkurangan dan ia tidak dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari.

Masyarakat hari ini juga kurang menguasai pembacaan al-Quran pada tahap yang amat baik. Ini kerana mereka tidak mempunyai kesedaran bahawa menguasai pembacaan al-Quran itu amat penting bagi umat Islam. Selain itu, penguasaan membaca al-Quran juga tidak dititikberatkan oleh ibu bapa yang telah menyebabkan anak-anak mereka sendiri yang ketinggalan. Hanya seorang sahaja (0.9%) daripada informan yang berpendapat sedemikian. Situasi ini juga telah menyebabkan mereka tidak dapat menguasai tulisan Jawi dengan lebih baik kerana tulisan Jawi dan penguasaan membaca al-Quran mempunyai kaitan yang amat rapat. Justeru itu, mereka kurang menggunakan tulisan Jawi kerana tidak menguasai tulisan tersebut.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai faktor yang telah menyebabkan tulisan Jawi ini dipinggirkan oleh masyarakat Melayu sekarang ini iaitu faktor dalaman dan juga faktor luaran. Faktor dalaman ialah seperti kurangnya kesedaran dalam diri seseorang itu tentang kepentingan tulisan Jawi. Begitu juga kurangnya kesedaran dan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, guru, masyarakat dan juga pihak-pihak yang tertentu untuk mengembangkan lagi penggunaan tulisan Jawi. Selain itu, sikap dalaman seseorang yang menganggap bahawa tulisan Jawi itu tidak penting dan bagi mereka mempelajari tulisan Jawi ini amat susah. Mereka juga sibuk mengulangkaji mata pelajaran yang lain sehingga terlupa akan tulisan Jawi kerana tulisan Jawi tidak termasuk dalam peperiksaan.

Manakala faktor-faktor luaran pula ialah seperti tahap pendidikan Jawi yang diterima oleh seseorang. Selain itu, tidak ada galakan dan semangat daripada ibu bapa, guru-guru, masyarakat, pihak sekolah dan pihak-pihak yang terlibat menyebabkan mereka ketinggalan dalam tulisan Jawi. Hanya sekolah agama sahaja yang lebih menitikberatkan soal tulisan Jawi ini.

4.5 DAPATAN KAJIAN MENGENAI USAHA-USAHA YANG DILAKUKAN OLEH MASYARAKAT UNTUK MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN TULISAN JAWI

Apabila seseorang ingin mencapai kejayaan atau matlamat, keinginan itu perlu disertai dengan usaha-usaha untuk membolehkannya mencapai kejayaan atau matlamat tersebut. Begitu juga jika seseorang ingin menguasai kemahiran membaca atau menulis Jawi, seseorang itu perlu berusaha dengan lebih gigih dan jitu. Hasil daripada kajian yang telah dibuat melalui soal selidik yang dikemukakan, pengkaji dapat mengklasifikasikan sepuluh perkara yang sering dilakukan oleh masyarakat untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi mereka sama ada menulis atau membaca. Seramai 117 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 8 orang responden (4.7%) yang tidak mengambil sebarang inisiatif untuk meningkatkan tahap penguasaan Jawi mereka (Rujuk Jadual 23).

Bil.	Usaha-usaha yang dilakukan	Jumlah	Peratus
1.	Lebih banyak membaca al-Quran	26	15.1
2.	Menghadiri kelas-kelas agama atau fardhu ain	24	14.0
3.	Membaca akhbar-akhbar Jawi	22	12.8
4.	Belajar Jawi di surau-surau atau madrasah	18	10.5
5.	Ulangkaji matapelajaran Jawi	15	8.7
6.	Membaca buku-buku Jawi	14	8.1
7.	Belajar tajwid	14	8.1
8.	Merujuk kepada mereka yang lebih arif tentang tulisan Jawi	13	7.6
9.	Belajar Jawi di luar waktu persekolahan (menghadiri kelas khas atau kelas tambahan)	10	5.8
10.	Membaca kitab-kitab agama	8	4.7
11.	Tidak ambil peduli/ tidak tahu	8	4.7
JUMLAH		172	100

Jadual 23 : Usaha-usaha Yang Dilakukan Oleh Masyarakat Untuk Meningkatkan Tahap Penguasaan Tulisan Jawi

Kebanyakan daripada responden kajian telah memberikan jawapan mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi lebih daripada satu yang telah menyebabkan bilangan responden menjadi 172 orang. Dengan itu, daripada kajian yang telah dilakukan, usaha-usaha yang sering dilakukan oleh masyarakat tersebut ialah dengan memperbanyak lagi membaca al-Quran. Ini kerana penguasaan membaca al-Quran adalah berkait rapat dengan penguasaan Jawi. Seramai 26 orang responden (15.1%) telah menyatakan bahawa mereka meningkatkan tahap penguasaan Jawi dengan membaca al-Quran. Mereka mendapat tunjuk ajar daripada mereka yang benar-benar mendalami pembacaan ayat-ayat suci al-Quran ini. Mereka juga menghadiri kelas-kelas belajar al-Quran yang terdapat di sekitar kediaman tersebut.

Selain itu, mereka juga turut menghadiri kelas-kelas agama atau fardhu ain khususnya bagi para pelajar. Terdapat 24 orang (14.0%) daripada responden menyatakan usaha-usaha yang lebih kerap mereka lakukan untuk meningkatkan

tahap penguasaan Jawi adalah dengan menghadiri kelas-kelas agama atau fardhu ain tersebut. Daripada situlah, secara tidak langsung mereka dapat menguasai pembacaan dan penulisan tulisan Jawi ini. Mereka juga berpendapat bahawa tanpa kelas-kelas agama atau fardhu ain tersebut, mereka juga berkemungkinan gagal untuk menguasai Jawi kerana sesetengah ibu bapa tidak menitikberatkan kebolehan anak-anak mereka membaca atau menulis tulisan Jawi ini. Mereka hanya mengharapkan kejayaan anak-anak mereka daripada apa yang mereka pelajari di sekolah sahaja.

Selain daripada usaha-usaha tersebut, terdapat juga daripada masyarakat yang mengambil inisiatif dengan membaca akhbar-akhbar dalam edisi Jawi untuk meningkatkan tahap penguasaan Jawi. Seramai 22 orang responden (12.8%) yang selalu membaca akhbar-akhbar Jawi ini. Ini kerana ibu bapa mereka juga sering membaca akhbar-akhbar Jawi di rumah mereka. Secara tidak langsung, anak-anak mereka juga mengikut jejak langkah ibu bapa mereka. Dengan itu, penguasaan tulisan Jawi dapat dipertingkatkan lagi.

Pelajar-pelajar sekolah juga sering mengulang kaji mata pelajaran Jawi ini walaupun ia hanya diselitkan dalam mata pelajaran agama Islam. Tetapi mereka mempunyai minat yang amat mendalam untuk menguasai penulisan dan pembacaan tulisan Jawi ini. Dengan sebab itulah, mereka sentiasa mengulang kaji mata pelajaran Jawi ini kerana apabila mereka mendekatinya, mereka berasa amat seronok dan berbangga dapat menguasai Jawi. Seramai 15 orang responden (8.7%) yang terdiri daripada golongan pelajar yang sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Manakala bagi golongan yang tidak begitu menguasai penulisan dan pembacaan tulisan Jawi ini pula akan sering bertanyakan dan meminta pendapat daripada golongan yang lebih arif dalam tulisan Jawi. Seramai 13 orang responden (7.6%) yang telah merujuk masalah pembelajaran tulisan Jawi mereka dengan golongan yang lebih pakar dan arif dalam tulisan Jawi. Contohnya, apabila mempunyai masalah untuk mengeja dalam tulisan Jawi, dan untuk mendapatkan jawapan yang paling tepat mereka akan merujuk kepada mereka yang lebih tahu dalam pengejaan Jawi ini. Usaha ini amat penting supaya mereka tidak mendapat maklumat yang salah.

Membaca buku-buku yang ditulis dalam ejaan Jawi juga merupakan salah satu daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi mereka. Hasil daripada kajian yang djalankan, seramai 14 orang (8.1%) responden yang menyatakan bahawa mereka membaca buku-buku yang ditulis dalam ejaan Jawi untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi. Buku-buku yang bertulisan Jawi ini penting bagi mereka kerana buku-buku tersebut dapat membantu mereka untuk belajar tulisan Jawi. Contohnya ialah seperti buku-buku agama dan buku-buku fardhu ain anak-anak mereka yang masih belajar di peringkat sekolah rendah. Buku-buku tersebut boleh membantu mereka untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan Jawi kerana buku-buku tersebut adalah bermula daripada asas pembelajaran. Golongan-golongan yang lain juga dapat menggunakan buku-buku tersebut untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi.

Selain itu, mempelajari tajwid juga merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh masyarakat untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan menulis dan membaca tulisan Jawi. Seramai 14 orang responden (8.1 %) yang kerap menghadiri

kelas-kelas belajar tajwid ini di sekitar Kuala Lumpur untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan Jawi bagi diri mereka sendiri. Ini kerana mempelajari tajwid juga dapat meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi. Tajwid juga berkait rapat dengan tulisan Jawi selain ia amat penting untuk menguasai pembacaan al-Quran. Oleh itu, al-Quran dan tulisan Jawi ini tidak dapat dipisahkan dan ia amat penting bagi seluruh umat Islam.

Seramai 10 orang responden (5.8%) yang merupakan para pelajar juga sering menghadiri kelas-kelas khas atau kelas-kelas tambahan untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada menulis atau membaca. Ibu bapa menghantar anak-anak mereka supaya menghadiri kelas-kelas tambahan yang kebiasaannya diadakan oleh orang perseorangan secara sambilan. Selain mereka belajar membaca al-Quran, secara tidak langsung mereka juga diajar mengenal huruf-huruf dan tulisan Jawi. Justeru itu, secara tidak langsung anak-anak mereka dapat menguasai tulisan Jawi ini. Situasi sebegini amat membanggakan kerana tidak ramai daripada generasi sekarang khususnya muda-mudi yang dapat menguasai tulisan Jawi dengan amat baik.

Usaha-usaha yang paling kurang dilakukan oleh golongan masyarakat untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi ialah melalui pembacaan kitab-kitab agama. Hanya 8 orang responden (4.7%) yang mengambil inisiatif dengan membaca kitab-kitab agama yang bertulisan Jawi ini. Hanya golongan tua yang kerap menggunakan kitab-kitab agama ini. Selain memperolehi ilmu-ilmu agama daripada pembacaan tersebut, mereka juga dapat meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi. Selain berkongsi ilmu-ilmu agama dengan golongan masyarakat setempat seperti dengan mengadakan ceramah-ceramah agama di surau-surau, mereka juga dapat

meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan mereka yang menghadiri ceramah agama tersebut.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada penguasaan menulis atau membaca. Perkara yang paling penting untuk menyemarakkan usaha tersebut ialah kesedaran dalam diri seseorang. Tanpa kesedaran yang utuh, usaha-usaha tersebut tidak mungkin akan dilakukan. Usaha-usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi ini bukan hanya terbatas kepada golongan masyarakat tetapi juga pihak-pihak yang lain seperti pihak kerajaan juga harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya tulisan Jawi ini akan kembali kepada kedudukannya asalnya seperti sebelum ini.

4.6 KESIMPULAN

Daripada data yang dikumpulkan, dapatlah disimpulkan bahawa tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat kita pada hari ini amat kurang jika dibandingkan pada tahun-tahun sebelum tulisan Rumi dinobatkan sebagai tulisan rasmi bagi bahasa Melayu. Pada masa sekarang ini, tulisan Jawi hanya digunakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan agama sahaja seperti penggunaannya di papan-papan tanda masjid, surau atau madarasah. Ia tidak lagi digunakan bagi papan-papan tanda seperti nama jalan ataupun nama-nama restoran.

Manakala tahap penguasaan membaca atau menulis tulisan Jawi pada masa sekarang, rata-rata masyarakat hanya dapat menguasainya pada tahap yang sederhana sahaja. Tetapi kebanyakannya dipelopori oleh golongan kanak-kanak yang berumur

antara 9-12 tahun. Ini kerana kebanyakannya daripada mereka mempelajarinya di sekolah khususnya di sekolah agama. Bagi golongan-golongan masyarakat yang lain, ia tidak dititikberatkan lagi kerana tulisan Jawi jarang digunakan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Hasil daripada kajian yang dijalankan juga, pengkaji mendapati bahawa masyarakat hari ini masih sedar tentang kepentingan tulisan Jawi. Kebanyakan daripada mereka menyatakan bahawa tulisan Jawi ini penting bagi masyarakat Melayu walaupun terdapat juga yang menyangkal pendapat ini tetapi dalam bilangan yang sedikit sahaja. Ini kerana bagi mereka tulisan Jawi adalah khazanah bangsa Melayu yang tidak boleh dilupakan. Hanya kesedaran yang berputik dalam diri mereka, namun usaha-usaha dan langkah-langkah untuk meningkatkan tahap penggunaan dan penguasaannya jarang-jarang dilakukan

Selain itu, hasil daripada kajian tersebut juga mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang telah menyumbang kepada pemungkiran tulisan Jawi ini oleh masyarakat Melayu. Antaranya disebabkan oleh tulisan Rumi digunakan secara lebih meluas dalam kehidupan sehari-hari, tulisan Jawi kurang didedahkan dan tidak disebarluaskan serta tidak ada dorongan atau sokongan daripada pelbagai pihak. Selain itu, masyarakat juga merasakan bahawa tulisan Jawi itu tidak penting dan tidak ada minat untuk mempelajari tulisan Jawi.

Namun begitu, hasil daripada kajian tersebut juga masih terdapat usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi mereka sama ada membaca atau menulis dengan menghadiri kelas-kelas khas belajar tulisan Jawi ini sama ada di surau-surau atau madrasah-madrasah. Selain

itu, mereka juga membaca akhbar-akhabar dan juga buku-buku serta kitab-kitab yang bertulisan Jawi untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi. Terdapat juga di kalangan masyarakat yang mengambil inisiatif dengan lebih banyak membaca al-Quran kerana penguasaan al-Quran berkait rapat dengan penguasaan tulisan Jawi.